

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

YMP 403 - Penulisan dan Penerbitan Risalah,
Majalah dan Jurnal

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 Jam)

Tempat Duduk:

Angka Giliran: _____

Jawab SEMUA soalan.

1. Perbaiki ayat-ayat di bawah ini:

- a. Gambar-gambar itu besar fungsinya. Ia bukan sahaja sebagai bukti kepada segala pandangan yang dikemukakan malah untuk mengelakkan diri dari dikata pembaca bahawa pandangan-pandangan tersebut rekaan penulis semata-mata.
-
-
-
-

- b. Keadaan sedemikian turut berlaku bagi para pelawat yang ditemubual oleh ku seterusnya.
-
-
-
-

Angka Giliran: _____

- c. Dia tidak pulang ke kampung disebabkan oleh harga tambang yang mahal.

- d. Akhirnya, kami sampai di kawasan bukit yang berlalang tinggi dengan pokok-pokok di beberapa tempat.

- e. Tentang disiplin lain-lain yang ditawarkan seperti seni lakon, seni halus, falsafah, dan komunikasi massa, kursus-kursus ini belum pernah aku mengetahuinya sehingga melihatnya di dalam buku panduan USM.

-3-

(YMP 403)

Angka Giliran: _____

2. Apakah fungsi perkara-perkara berikut:

a. sub-titles

b. cover lines

c. muka depan majalah

d. anecdote

...4/-

-4-

(YMP 403)

Angka Giliran: _____

e. lead

3. Senarai dan huraikan 3 unsur atau ciri rencana yang baik.

4. Bincangkan 3 perkara yang terlibat dalam "editorial planning."

...5/-

Angka Giliran: _____

5. Berikut adalah dua petikan dari "Forum: Utusan Malaysia" dan tiga liputan berita Utusan Malaysia, (Khamis, 19 Februari, 1987). Sila baca dengan teliti dan tuliskan 3 idea bagi tiap-tiap satu petikan yang boleh dijadikan bahan rencana.

a.

Kesal senjata api
diguna sewenang-
wenangnya

Saudara Pengarang;

SAYA amat kesal tentang penggunaan senjata api (senapang patah) yang dimiliki oleh orang-orang kampung di Daerah Sungai Manik, Cikus dan Sungai Lampam, Teluk Intan, Perak.

Pada masa kebelakangan ini mereka yang mempunyai senapang patah dengan sewenang-wenangnya menggunakan senjata ini untuk menembak burung-burung untuk makanan mereka. Mereka menembak burung-burung ini bukanlah di kawasan mereka sendiri tetapi sebaliknya pergi ke kawasan orang lain dan dengan kecuaian mereka peluru-peluru ini telah ada yang mengenai orang lain tetapi nasib baik juga tidak sampai ke peringkat bahaya, sedangkan orang yang kena itu berada di kawasan rumahnya sendiri.

Oleh itu saya berharap pada pihak yang bertanggungjawab dapat kiranya memberi tunjukajar ataupun amaran pada mereka yang mempunyai senjata api agar tidak disalahgunakan. - TAK SUKA KEGANASAN, Teluk Intan.

Angka Giliran: _____

b.

Minta baiki
jalan ke
Kampung Bukit
Tegur

Saudara Pengarang;

ADALAH kami penduduk-penduduk Kampung Bukit Tegur, Kampung Baru, Pendang, Kedah ingin merayu pada pihak yang berkenaan supaya membaiki jalan masuk ke Kampung Bukit Tegur, Pendang. Jalan Bukit Tegur ini boleh sampai ke Kampung Anak Pulai.

Jalan ini sungguh menyediakan dan menyakitkan mata melihatnya. Tambah menyediakan lagi bila hari hujan. Jalan tanah merah dan berlopak-lopak ditakungi air bila hujan turun. Dari Kampung Baru ke Kampung Bukit Tegur jauh perjalanan ialah sejauh 5 batu. -PENDUDUK KAMPUNG BUKIT TEGUR, Pendang, Kedah.

Angka Giliran: _____

c.

100 pegawai
dijangka
berdialog
dengan
Rahmah

PULAU PINANG, 18 Feb. - Kira-kira 100 pegawai perkhidmatan awam kumpulan A dijangka berdialog dengan Timbalan Menteri Pengangkutan, Hajah Rahmah Osman di sini Jumaat ini mengenai bidang kuasa yang diberikan kepada mereka dalam menguatkuasakan peraturan jalan raya.

Dialog itu akan berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM), kata Pengerusi Bertindak Kempen Keselamatan Jalan Raya Negeri Haji Che Dan Ahmad hari ini.

Beliau berkata dalam dialog itu para pegawai berkenaan akan diterangkan mengenai tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih mendalam. - BERNAMA

Angka Giliran: _____

d.

Rumah dilanda ribut

BALING, 18 Feb. - Lima buah rumah di Taman Sri Bidong dekat sini dilanda ribut petang semalam.

Seorang penduduk di situ, Encik Zaim Awang, 25, berkata, kejadian itu berlaku pukul 5 petang menyebabkan bumbung kelima-lima rumah itu diterbangkan oleh ribut dan mencampakkannya ke tanah.

Katanya, ribut itu melanda selama lima minit mengakibatkan kerugian kira-kira \$2,000. Tiada kemalangan jiwa atau kecederaan berlaku. BERNAMA

...9/-

-9-

(YMP 403)

Angka Giliran: _____

e.

Mati tergantung

KUALA LUMPUR, 18 Feb. - Seorang kontraktor kecil, Liew Kum Toh, 44, dijumpai mati tergantung di sebuah rumah di Setapak di sini awal hari ini.

Utusan Malaysia difahamkan, mayat Liew telah dijumpai oleh keluarga dan sanak saudaranya di rumah itu kira-kira jam 12.10 pagi setelah mencarinya di merata-rata tempat apabila dia tidak pulang ke rumah sejak dua hari lalu.

-00000000-